



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**SIGNIFIKAN DALAM PEMILIHAN AYAT AL-QURAN SEBAGAI TERAPI
DALAM RAWATAN AUTISTIK SECARA UMUM**

**[SIGNIFICANCE IN THE SELECTION OF AL-QUR'AN VERSE AS THERAPY
IN THE TREATMENT OF AUTISTIC IN GENERAL]**

MOHD AZIM HAKIMIN IBRAHIM¹
KHADHER AHMAD¹
MUSTAFFA ABDULLAH¹

¹Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam,
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

*Corresponding author: khadher82@um.edu.my; mustaffa@um.edu.my

Received Date: 20 June 2022 • Accepted Date: 15 October 2022

Abstrak

Penggunaan ayat al-Quran sebagai terapi dalam rawatan penyakit dewasa ini tidak boleh dinafikan lagi. Dalam hal ini, terdapat kombinasi ayat al-Quran yang berbeza digunakan terhadap rawatan sesuatu penyakit walaupun rawatan terhadap penyakit yang sama. Tambahan lagi, setiap pengamal juga mempunyai kombinasi ayat tersendiri ketika rawatan berpandukan pengalaman dan ilmu masing-masing. Melalui analisis induktif dan deduktif, artikel ini bertujuan untuk membincangkan kepentingan dalam pemilihan sesuatu ayat al-Quran bagi rawatan terhadap penyakit autistik secara umum, yang disokong oleh penjelasan dan pandangan ulama' tafsir dan sarjana semasa. Kombinasi ayat-ayat yang dipilih tersebut adalah berdasarkan kepada garis umum bagi semua pesakit autistik. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat 15 kombinasi ayat daripada beberapa surah yang boleh dijadikan terapi umum bagi rawatan penyakit autistik, yang disokong berdasarkan kepada beberapa signifikan yang umum bagi semua pesakit autistik. Kombinasi ini boleh dijadikan sebagai terapi atau salah satu usaha dalam membantu pesakit autistik sekalipun tidak dapat menyembuhkan secara menyeluruh. Diharapkan terapi ini dapat digunakan oleh guru pembimbing di sekolah untuk membantu pesakit autistik di sekolah khas di Malaysia ini.

Kata kunci: Terapi al-Quran; autistik; rawatan Islam; kombinasi ruqyah & penyakit

Abstract

The use of Quranic verses as therapy in the treatment of diseases as of late cannot be denied any further. In this regard, there are different combinations of Qur'anic verses being used as a treatment of a particular disease, even for same disease. In addition, each practitioner also practices his own combination of verses during treatment depending on their experience and studies. Through inductive and deductive analysis, this article aims to discuss the significance

in the selection of each verse of the Qur'an for treatment of autistic diseases in general, which are backed by the explanation and opinion of current scholars. The combination of the selected verses is based on the general guidelines for all autistic patients. The results of the study found that there are 15 combinations of verses from several surahs that can be used as a general therapy for the treatment of autistic diseases based on some common significance for all autistic patients. This combination can be used as a therapy or amongst the efforts to assist autistic patients albeit it cannot be completely cured. It is hoped that this therapy can be used by guiding teachers in schools to help autistic patients in special schools in Malaysia.

Keywords: *Qur'anic therapy; autistic; Islamic treatment; combination of ruqyah & diseases*

Cite as: Mohd Azim Hakimin Ibrahim, Khadher Ahmad & Mustaffa Abdullah. 2022. Signifikan dalam Pemilihan Ayat al-Quran sebagai Terapi dalam Rawatan Autistik secara Umum [Significance in The Selection of al-Qur'an Verse as Therapy in The Treatment of Autistic in General]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 23(3): 76-85.

PENGENALAN

Terapi al-Quran mempunyai persamaan dengan *al-ruqyah al-syari'yyah* membawa maksud penawar yang dijadikan sebagai pelindung atau benteng bagi diri seseorang supaya tidak ditimpa penyakit yang menggunakan ayat-ayat alquran sebagai medium atau usaha untuk menyembuhkan sesuatu penyakit samada penyakit luaran ataupun dalaman (Khaled, 2008). Ruqyah secara bahasa berasal dari bahasa Arab yaitu kata *raqiya-yarqā-ruqyān wa ruqyatan*, yang bermakna berlindung terkenal. Ibnu al-A'sir mengatakan bahwa ruqyah adalah memohon perlindungan kepada Allah dari segala macam penyakit seperti demam, dan penyakit-penyakit lainnya (Ibnu Manzur)

Wahbah al-Zuhaili mendefinisikan *ruqyah* ialah apabila seseorang mengubati seseorang yang sakit dengan berdoa melalui ayat-ayat alquran dan doa bagi memohon untuk mendapat kebaikan dan kesihatan (Wahbah, 1984). Manakala menurut Sayyid Sabiq mengatakan bahwa ruqyah yang disyariatkan adalah *ruqyah* yang dilakukan dengan cara berdoa, berdzikir kepada Allah, menggunakan bahasa Arab yang boleh difahami maknanya dan tidak mengandungi unsur-unsur kesyirikan.

Menurut para ulama antaranya Imam al-Baghawi mengatakan bahawa ruqyah (jampi) yang dilarang adalah *ruqyah* yang di dalamnya terdapat kesyirikan atau disebutkan di dalamnya jin-jin jahat, atau *ruqyah* yang bukan berbahasa Arab dan tidak diketahui apa hakikatnya. Hal ini kerana boleh jadi ruqyah itu telah dimasuki oleh sihir atau kekafiran. (Irsyad Fatawa siri 249)

Manakala menurut al-Alamah Syeikh Abul Aliyah Muhammad bin Yusuf al-Jurani menyatakan bahawa *ruqyah* iaitu doa perlindungan (pencegahan) bagi orang yang sakit dengan membaca ayat-ayat al-Quran al-Karim, nama-nama Allah dan sifat-sifatNya, disamping doa-doa syar'i yang menggunakan Bahasa Arab atau selain Bahasa Arab yang diketahui maknanya, lalu ditiupkan untuk memelihara kesihatan, menolak bala dan mengangkat penyakit (Yusof, 2007).

Daripada ‘Awf bin Malik al-Ashja’i, mengatakan bahawa kami melakukan *ruqyah* (jampi) ketika zaman jahiliah, lalu apa pandangan kamu wahai Rasulullah SAW. Lalu sabda Nabi SAW:

اَعْرِضُوا عَلَيَّ رُقَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ

Terjemahan : “Bentangkan kepadaku ayat ruqyah kalian. Tidak mengapa untuk melakukan ruqyah selagi mana tidak ada syirik.” (Muslim: no. hadith 5862)

Demikian juga, disebutkan oleh Khadher dan rakan-rakan (2017) bahawa antara peristiwa yang pernah berlaku adalah apabila Abi Sa‘id al-Khudri yang telah membacakan surah *al-Fatihah* bagi membantu merawat seorang ketua kabilah yang telah disengat kala jengking. Dengan keyakinan yang teguh daripada pihak Abi Sa‘id al-Khudri dan takdir daripada Allah SWT, ketua kabilah tersebut disembuhkan oleh Allah SWT (Muslim, no. 2201).

Menurut Sheikh ‘Azim al-Abadi hadith ini menjadi dalil keharusan untuk melakukan amalan *ruqyah* dan berubat menggunakan apa yang tidak ada kemudaratan dan juga dengan sesuatu yang tidak bercanggah dengan syarak. (al-Kafi, 775)

Menurut (Dr. Khaled, 2004) dalam kitabnya ruqyah terbahagi kepada empat: **Pertama:** Ruqyah menggunakan dan membacakan ayat-ayat Allah, Asma‘ul Husna dan sifat-sifatnya yang mulia. **Kedua:** Ruqyah dengan menggunakan dan membaca zikir dan doa ma‘thurat. **Ketiga:** Ruqyah dengan menggunakan dan membaca doa dan zikir yang bukan ma‘thurat tetapi tidak bercanggah dengan doa ma‘thurat. **Keempat:** Ruqyah dengan menggunakan dan membaca sesuatu yang tidak difahami maksudnya seperti yang dilakukan oleh masyarakat jahiliah sebelum kedatangan islam dan juga seperti jampi mentera yang tidak difahami maksudnya kerana dikhuatiri terjerumus kepada kesyirikan dan pemujaan makhluk halus.

Ayat-ayat al-Quran secara umumnya adalah merupakan *syifa’* atau ubat. Dalam mengenal pasti kombinasi ayat-ayat al-Quran yang bersesuaian dan boleh digunakan dalam terapi autistik ini, pengkaji membahagikan kepada dua kombinasi utama dalam rawatan yang berkaitan dengan autistik. Ini kerana dalam soal rawatan menggunakan ruqyah ini, tidak boleh diselaraskan secara bersama pada satu jenis kombinasi ruqyah sahaja, tetapi perlu melihat dan meneliti aspek simptom dan jenisnya sebelum menentukan kombinasi ruqyah. Jadi, dua pembahagian tersebut adalah merujuk kepada kombinasi ruqyah umum yang boleh diaplikasikan kepada semua jenis autistik dan satu kombinasi khusus yang bergantung kepada simptom dan jenis autistik yang dialami oleh seseorang pesakit.

Kombinasi ayat-ayat *ruqyah* umum merupakan ayat-ayat al-Quran yang digunakan secara umum untuk semua kategori autistik, sama ada autistik ‘*high function*’ atau autistik ‘*low function*’ serta untuk semua kombinasi masalah yang terdapat pada autistik. Ayat-ayat yang terdiri daripada surah al-Fatihah dan selawat asas digunakan sebagai ruqyah umum autistik berdasarkan kepada peristiwa yang berlaku kepada Abi Sai’d al-Khudri yang telah membacakan surah al-Fatihah dalam merawat pesakit dan telah diperakukan oleh Nabi SAW sendiri (Sedek Ariffin, 2011).

Oleh itu, artikel ini hanya akan membincangkan pada bahagian pertama sahaja iaitu kombinasi ayat-ayat al-Quran yang umum yang boleh dijadikan sebagai terapi al-Quran dalam rawatan autistik.

ISU DAN PERMASALAHAN

Kaedah terapi dalam rawatan autistik ini terlalu banyak, namun dalam penelitian yang dijalankan didapati bahawa bagi terapi menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai *ruqyah* dalam rawatan autistik didapati masih tidak menyeluruh. Pada masa yang sama, penggunaan terapi al-Quran berasaskan kepada kombinasi beberapa ruqyah daripada ayat-ayat al-Quran mempunyai signifikan yang boleh membantu dalam rawatan autistik. Sesuai juga dengan perkembangan semasa kini, di mana terdapat pertambahan dalam statistik kelahiran autistik di dunia secara umumnya dan di Malaysia khususnya. Di samping kurangnya kaedah yang menggunakan terapi berasaskan al-Quran dalam rawatan penyakit khususnya apabila melibatkan penyakit fizikal. Dalam beberapa kajian menunjukkan bahawa ramai kalangan ibu bapa yang mengalami tekanan kerana sukar untuk mencari rawatan dan terapi yang sesuai untuk anak mereka. Ada juga sebahagian mereka terpaksa berhenti kerja untuk menguruskan anak autistik memandangkan autistik tidak sesuai untuk dihantar ke pusat penjagaan biasa berikutan tingkah laku mereka yang berbeza daripada kanak-kanak normal (Farhana, 2020). Malah yang lagi penting sehingga hari ini pakar-pakar dunia belum menjumpai satu kaedah atau ubat yang khusus dalam menangani masalah ini. Justeru, berbekalkan mukjizat serta sifat al-Quran sebagai *syifa'* seperti yang difahami daripada ayat 82 surah *al-Isra'* satu kaedah terapi al-Quran perlu diwujudkan dan dibina dalam membantu golongan autistik ini menghadapi kehidupan mereka sebaiknya.

Justeru, perbincangan ini adalah sebagai salah satu usaha penting yang cuba merangka dan mencadangkan beberapa kombinasi ayat al-Quran yang boleh dijadikan sebagai *ruqyah* atau boleh disebutkan sebagai terapi al-Quran dalam rawatan autistik. Namun, seperti yang dijelaskan, fokus perbincangan ini hanya kepada beberapa ayat yang boleh dijadikan sebagai kombinasi rawatan umum kepada semua autistik. Di mana boleh difahami bahawa, ia akan menjadi tapak asas utama sebelum rawatan menggunakan kombinasi *ruqyah* yang khusus yang bergantung kepada simpton dan jenis serta keadaan individu yang menghidapnya.

SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan dalam artikel ini akan memberikan fokus terhadap dua aspek utama yang berkaitan dengan autistik iaitu [**pertama**] penjelasan tentang justifikasi pemilihan ayat al-Quran atau doa tertentu sebagai *ruqyah* yang boleh dijadikan sebagai terapi berdasarkan kepada perbincangan ulama dan sarjana Islam dan [**kedua**] perbincangan terhadap ayat-ayat yang telah dipilih berdasarkan kepada penilaian terhadap aspek dan simptom utama bagi autistik dan menganalisis justifikasinya sebagai terapi dalam rawatan autistik. Cuma perlu diberikan penekanan bahawa pada perbincangan dalam artikel ini, skop perbahasan hanya terhadap kombinasi ayat-ayat umum yang boleh menjadi terapi al-Quran secara holistik terhadap semua pesakit autistik. Dalam pada itu, perlu diberikan penjelasan juga bahawa dalam meletakkan kombinasi ini, pembahagian ayat-ayat tersebut berdasarkan kepada

pemahaman dalam hadits Nabi SAW, atau pandangan ulama' terhadap ayat-ayat tersebut, atau berkaitan dengan signifikan ayat-ayat tersebut kepada simptom yang ada dan juga mengikut pengalaman daripada pengamal-pengamal perubatan Islam.

Data-data yang dikumpulkan adalah berdasarkan kepada maklumat dokumentasi sama ada daripada karya-karya *turath* (klasik) atau daripada buku-buku semasa khususnya rujukan kepada tesis dan disertasi serta artikel jurnal. Keseluruhan data dianalisis berdasarkan kepada metode induktif, deduktif dan deskriptif agar dapat mencapai kesimpulan yang membawa kepada hasil dapatan yang boleh dimanfaatkan.

HASIL DAPATAN

Justifikasi Pemilihan Ayat Bagi Terapi al-Quran secara Umum bagi Autistik

Sebelum perbincangan yang lebih lanjut terhadap kombinasi ayat yang dipilih dan signifikan kepada pemilihannya, perlu difahami dahulu bahawa, dalam pengubatan Islam berasaskan kepada *ruqyah*, terdapat beberapa signifikan yang sesuai dengan jenis penyakit. Perkara ini telah dibincangkan oleh Khadher Ahmad dan rakan-rakan dalam beberapa artikel yang telah diterbitkan, seperti artikel “Terapi Ruqyah Berasaskan al-Quran: Analisis Signifikan Dalam Rawatan Penyakit” yang telah diterbitkan dalam *Jurnal Darul Quran*, JAKIM (Khader Ahmad, 2014), dan artikel “Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran Dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis satu bab dalam buku (Khader Ahmad, 2014).

Pertama: Ayat-ayat al-Quran dipilih berdasarkan *asbab nuzul*. Berdasarkan pemerhatian kepada ayat-ayat ini, Pengkaji menjadikannya sebagai satu metode dalam mendapatkan kombinasi ayat-ayat ruqyah yang sesuai. Sebagai contoh, ayat 1-5 dari surah Taha mempunyai kisah khusus yang dapat melembutkan hati Saidina ‘Umar al-Khattab dalam sirah keIslaman beliau. Kisah di sebalik ayat ini menjadi sumber dalam pemilihan dan penggunaan ayat untuk melembutkan hati kanak-kanak autistik yang cenderung untuk mengamuk atau *tantrum*. Tambahan pula, al-Quran itu sendiri adalah mukjizat yang bersifat syifa’ atau ubat sebagaimana firman Allah SWT :

وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا

Terjemahan: (Demikianlah) peraturan (Kami yang tetap mengenai) orang-orang yang telah Kami utuskan sebelummu dari Rasul-rasul Kami dan engkau tidak akan dapati sebarang perubahan bagi peraturan Kami yang tetap itu.(Surah- al-Isra’:82)

Kedua: Ayat-ayat al-Quran dipilih berdasarkan hadits-hadits Nabi SAW yang menerangkan tentang sesuatu ayat atau surah yang digunakan oleh Baginda Nabi SAW sebagai ayat rawatan atau dalam perubatan Baginda sebagai contoh surah al-Fatihah yang dibacakan oleh Nabi SAW sewaktu mengubati seorang ketua kampung yang disengat kala jengking.

Ketiga: Ayat-ayat al-Quran dipilih melihat kepada makna yang terdapat dalam ayat tersebut. Sebagai contoh, ayat 44 Surah Hud yang digunakan sebagai usaha dan ikhtiar untuk anak yang kencing malam. Hal ini berdasarkan makna dalam ayat tersebut yang mana Allah SWT

memerintahkan bumi agar menelan air dan langit agar tidak menurunkan air hujan yang mempunyai signifikan dalam penggunaan ayat tersebut dalam amalan ruqyah.

Keempat: Ayat-ayat al-Quran dipilih melalui pemerhatian pengkaji terhadap pandangan pakar-pakar dan ulama tentang sesuatu ayat atau zikir yang digunakan.

Kelima: Ayat-ayat al-Quran dipilih berdasarkan pengamatan pengkaji terhadap amalan-amalan orang soleh serta pengamalan perawat-perawat dalam bidang perubatan Islam yang berpengalaman dalam penggunaan sesuatu ayat atau sesuatu zikir. Sebahagian daripada ayat yang digunakan bagaimanapun tidak mengandungi semua ciri-ciri yang disebut akan tetapi berdasarkan pengamalan peruyah yang sering digunakan serta mendapat izin dari Allah SWT untuk sembuh. Sebagai contoh ayat 130 dari surah al-Shu'ara' yang digunakan untuk merawat sakit pinggang. Walaupun tiada persamaan dalam sebab penurunan ayat atau sebarang kisah di sebalik ayat tersebut, namun ia digunakan sebagai warisan para perawat sejak zaman-berzaman.

Kombinasi *Ruqyah* Untuk Terapi al-Quran Terhadap Autistik Secara Umum

Berdasarkan kepada perbincangan dan hasil kajian, terdapat 15 ayat yang telah dipilih oleh pengkaji berdasarkan kepada apa yang difahami daripada ayat yang mempunyai signifikan dan kaitan dengan simptom utama atau umum bagi masalah autistik. Bagi memudahkan pemahaman, hasil dapatan daripada analisis yang dijalankan ini, diringkaskan seperti dalam Jadual 1.0 di bawah ini.

Jadual 1.0: Kombinasi *Ruqyah* Untuk Terapi al-Quran Terhadap Autistik Secara Umum

No.	No. Ayat dan Surah	Ayat	Sumber dan Signifikan Dalam Rawatan Autistik
1	Surah al-Fātihah 1-7	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ	Berdasarkan hadith Nabi SAW dan juga pandangan pengamal perubatan Islam Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175 Hadis riwayat al-Darimi Tibb Nabawi Ibn Qayyim Hadith riwayat Muslim 2201
2	Surah al-Isrā' 82	يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ	Ini berdasarkan dalam ayat tersebut terdapat perkataan yang memberi makna ubat/penyembuh Haron Din (2008) Ismail Kamus (2007) Syarhan Syafie (2011)
3	Surah al-Isrā' 82	وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا	Ini berdasarkan dalam ayat tersebut terdapat perkataan yang memberi makna ubat/penyembuh Haron Din (2008); Ismail Kamus (2007) Syarhan Syafie (2011)

- | | | | |
|----|---|---|--|
| 4 | Surah al-Shu`arā' 80 | وَإِذَا مَرَضْتُ فَهُوَ يَشْفِينِ | Berdasarkan tafsir ayat tersebut menunjukan Allah SWT adalah penyembuh kepada semua penyakit sebagaimana Allah memberi tahu Nabi Ibrahim dalam al-Quran.
Haron Din (2008)
Ismail Kamus (2007)
Syarhan Syafie (2011) |
| 5 | Surah Fussilat:44 | قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا هُدًى وَشِفَاءً | Ini berdasarkan dalam ayat tersebut terdapat perkataan yang memberi makna ubat/penyembuh
Haron Din (2008)
Ismail Kamus (2007)
Syarhan Syafie (2011) |
| 6 | Surah al-Nahl:69 | يَخْرُجُ مِنْ بُطُونِهَا شَرَابٌ مُخْتَلِفٌ أَلْوَنُهُ فِيهِ شِفَاءٌ لِلنَّاسِ إِنَّ فِي ذَلِكَ لَآيَةً لِّقَوْمٍ يَتَفَكَّرُونَ | Ini berdasarkan dalam ayat tersebut terdapat perkataan yang memberi makna ubat/penyembuh
Haron Din (2008)
Ismail Kamus (2007)
Syarhan Syafie (2011) |
| 7 | Surah al-Baqarah 1-5 | أَلَمْ ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ | Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175 |
| 8 | Surah al-Baqarah 255 | اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ لَا تَأْخُذُهُ سِنَّةٌ وَلَا نَوْمٌ لَهُ مَا فِي السَّمُوتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِي يَشْفَعُ عِنْدَهُ إِلَّا بِإِذْنِهِ يَعْلَمُ مَا | Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175
Bukhari Kitab Bad' al-Khalq 3275 |
| 9 | Surah al-Baqarah 284-286 | لِلَّهِ مَا فِي السَّمُوتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ وَإِنْ تُبْدُوا مَا فِي أَنْفُسِكُمْ أَوْ تُخْفُوهُ يُحَاسِبْكُمْ بِهِ اللَّهُ فَيَغْفِرُ لِمَنْ يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَنْ يَشَاءُ | Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175
Hadis riwayat Bukhari kitab Fadha'il al-Quran 7/318 no 5009 dan Muslim 2/29 |
| 10 | Surah al-Mu'minin 115-118
Surah al-Hasyr 22-24 | أَفَحَسِبْتُمْ أَنَّمَا خَلَقْنَاكُمْ عَبَثًا وَأَنَّكُمْ إِلَيْنَا لَا تُرْجَعُونَ
لَوْ أَنزَلْنَا هَذَا الْقُرْآنَ عَلَى جَبَلٍ لَّرَأَيْنَاهُ خَشْيَةً مُّتَصَدِّعًا مِّنْ خَشْيَةِ اللَّهِ وَتِلْكَ الْأَمْثَلُ نَضْرِبُهَا لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ | Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175
Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175
Sunan Tirmidhi Kitab al-Da'awat no 2404 |

11	Surah Yunus 57	يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ	Ini berdasarkan dalam ayat tersebut terdapat perkataan yang memberi makna ubat/penyembuh Haron Din (2008) Ismail Kamus (2007) Syarhan Syafie (2011)
12	Surah al-Ikhlas 1-4	قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ	Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175 Hadis riwayat Bukhari Kitab al-Da'awat 6314, 6319, Kisah seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam.
13	Surah al-Falaq 1-5	قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ الْفَلَقِ	Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175 Bukhari Kitab al-Tibb 5748/5310 Kisah seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam.
14	Surah al-Nas, 1-6	قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ	Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175 Bukhari Kitab al-Tibb 5017 Kisah seorang Yahudi bernama Labid bin al-A'sam.
15	Surah al-Saafat 1-10		Hadis riwayat Ibn Majah 2/1175

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, ayat-ayat al-Quran yang digunakan sebagai *ruqyah* bagi rawatan umum terhadap autistik telah pun dikenal pasti daripada sudut signifikan penggunaan ayat-ayat tersebut. Hasil kajian ini mendedahkan kepada awam tentang kepentingan menggunakan ayat-ayat al-Quran dalam membantu menyembuhkan penyakit manusia terutama masalah tingkah laku dalam kalangan autistik. Selain itu juga, kajian ini membawa satu signifikan bagaimana al-Quran itu selain menjadi petunjuk bagi manusia, ia juga menjadi panduan kepada manusia dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi dalam kehidupan khususnya dalam mengubati pelbagai penyakit yang dihadapi oleh manusia sama ada penyakit jasmani ataupun rohani.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan Khas bawah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bernombor UMG008L-2021 dengan tajuk “Pembangunan Kaedah Terapi al-Quran bagi Pemulihan dan Rawatan Tingkah Laku Autistik” dari 1 November 2021 hingga 31 Oktober 2022.

RUJUKAN

- Ahmad, K., Ibrahim, M. A. H., & Abdullah, M. (2022). *Autistik dari Perspektif Undang-Undang dan Hukum Islam: Autistics from the Perspective of Law and Islamic Jurisprudence*. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*, 6(1), 47-64.
- al-‘Aẓīm Ābādī, Abī ‘Abd al-Raḥmān Sharaf al-Ḥaq al-‘Aẓīm Ābādī, (2005). *‘Awn al-Ma’būd ala Sharḥ Sunan Abī Dāwūd*, ed. Muḥammad Naṣir al-Dīn al-Albānī Beirut: Dār Ibn Ḥazm.
- Bayan Linnas Siri 40, diurl: <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2503-al-kafi-775-hukum-terapi-dengan-al-quran> diakses pada 20 Ogos 2020
- Bayan Linnas Siri 41, <https://muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1822-bayan-linnas-siri-41-menyantuni-golongan OKU> diakses pada 23 Ogos 2022.
- Haron Din, (2008), *Ikhtiar Penyembuhan Penyakit: Dengan Ayat-Ayat dan Doa- Doa Mustajab*, Bandar Baru Bangi, Selangor: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia Darussyifa'
- Ibn Manzhur. (t.th) *Lisān al- ‘Arab* Beirut: Dar Ihya al-Turats al-Arabi.
- Ibn Qayyim al-Jauziyyah (2013) *Tibb Nabawi*, Tej. Nabilah Abd. Jalil, al-Hidayah House of Publishers Sdn Bd: Selangor
- Irsyad Fatwa Siri 249, diurl: <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/2656-irsyad-al-fatwa-249-hukum jumpa tukang sihir untuk ubati sihir , diakses pada 25 Ogos 2022>
- Ismail Kamus (2007) *Makhluk Halus, Penyakit-Penyakit dan Pengubatannya*, Kuala Lumpur: La Khauf Management Services.
- Jurani, al-Yusuf Muhammad. (2007). *Ar-Ruqyah asy-Syar’iyyah min al-Kitab wa As-Sunnah*. Jordan: Dar an-Nafaa’is.
- al-Kafi al-fatawi. Hukum terapi dengan al-Quran. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/al-kafi-li> diakses pada 20 OGOS 2020
- Khadher Ahmad, Abdullah Yusof & Mohd Farhan Md Ariffin (2014). *Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran Dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis*. Sedek Ariffin et.al. *Tajdid in Qur'anic Studies*. hlm.193-212. Kuala Lumpur: Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, UM.
- Khadher Ahmad, Mohd Farhan Md Ariffin, Sedek Ariffin dan Monika @ Munirah Abd Razak. (2014). *Terapi Ruqyah Berasaskan al-Quran: Analisis Signifikan Dalam Rawatan Penyakit*. *Jurnal Darul Quran*. 18: 87-125.
- al-Mubārakfūrī, Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm,(2015), *Tuhfah al-Aḥwadhī bi Sharḥ Jāmi` al-Tirmidhī*, Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Muslim, Abu al-Husain Muslim bin al-Hajaj al-Qusyairi al-Naisaburi. t.th. *Shahih Muslim*. ditahqiqkan oleh Ahmad Muhammad Syakir Juz 4. no. hadith 5862, no. hadith 5862, no. hadith 2201 Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi
- Noor Aina Dani. (2019). *Autisme Suatu Fitrah*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi, Selangor.
- Nur Farahana Ismail (2020), *Meneroka Cabaran yang Dihadapi oleh Ibu dalam menguruskan Anak Berkeperluan Khas*, *Jurnal of Quran Sunnah Education and Special Needs*, Vol. 4 (2), UKM.

- Sedek Arifin, Khadher Ahmad dan Ishak Hj Suliaman (2014). *Signifikan Penggunaan Ruqyah Berasaskan al-Quran dalam Rawatan Penyakit: Satu Analisis*. Tajdid In Quranic Studies, 193-212.
- Sharhan Shafie (2011) *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluq Halus*, Sinar Zamdurrani: Kuala Lumpur.
- Taqī' al-Dīn al-Subkī, 'Alī bin 'Abd al-Kāfi (1992), *Ibrāz al-Ḥukm min Ḥadīth Rufi' al-Qalam*, (ed.) Kilānī Muḥammad Khalīfah, Beirūt: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah li al-Ṭibā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī'.
- al-Tirmidhī, Abū 'Isā Muḥammad bin 'Isā bin Sawrah, (1417H) *Sunan al-Tirmidhī*, ed. Muḥammad Nāsir al-Dīn al-Albānī, al-Riyāḍ: Maktabah al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī'.
- Toran, Hasnah, (2017). *Autisme: Panduan Ibu Bapa*, Penerbitan Ryadh: Lunas, Kedah
- Wan Abdullah, W.N & Ahmad, H, (2013), *Aku Bersyukur Anakku Autism*, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- al-Zuhailī, Wahbah, (2007). *Tafsir al-Munir Juz Amma*, Shah Alam: Intel Multimedia and Publication.